



Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010

Negeri Perlis yang hanya berkeluasan 795 kilometer persegi atau 0.2 peratus daripada keseluruhan keluasan Malaysia bakal berubah wajah apabila menjadi tuan rumah penganjuran Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010.

Seminar yang bertemakan "Pendidikan Teras Bangsa Diperkasa" itu mengetengahkan dua slot 'Keynote Speaker' yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Yang Terhormat Datu HM Rusli Zainal, Gabenor Daerah Riau. Turut menjadi pembentang ucap tama ialah Dato' Seri Abdul Aziz Shamsudin.

Selain itu, turut mengisi slot pembentangan ialah para jemputan dari DMDI dan UniMAP antaranya Prof. Dr. Nana Saudih Sukma Dinata (Indonesia), En. Mohd Noor Said (Singapura), Prof. Dr. Awang Hasmadi (Brunei), En. Nik Abdul Latip Nik Hassan (Prince Songkhla University -Thailand) dan Prof. Datuk Dr. Hj. Ramiah Adam (Malaysia).

Sebanyak sembilan resolusi telah dihasilkan daripada Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa. Antara yang disentuh di dalam resolusi itu adalah memperkasa Dasar Pendidikan Negara serta meningkatkan kualiti pendidikan selain memperkasakan Bahasa Melayu di semua peringkat Institusi Pendidikan Negara sebagai asas pembentukan tamadun.

Namun apa yang paling menyerlah dan nampak begitu ditekankan di dalam resolusi itu adalah meningkatkan kualiti pendidikan yang dicetuskan hasil daripada suara kira-kira 500 peserta yang hadir pada seminar tersebut. Resolusi itu diserahkan kepada YB Tuan Jafferi Othman yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk SePMA 2010. Tanpa peningkatan dalam kualiti pendidikan, matlamat untuk melahirkan bangsa Melayu yang berkualiti tinggi serta mampu menyumbang ke arah kecemerlangan negara agak mustahil untuk dicapai.

Jika minda masih di takuk lama dan enggan menerima perubahan besar yang berlaku dalam era globalisasi, nescaya segala usaha dan program yang dicipta untuk rakyat tidak akan mencapai sasaran dan matlamat termasuk dalam menjayakan Model Ekonomi Baru (MEB) dan 1Malaysia.



Dalam hal ini, pemikiran dan pendidikan Melayu perlu berubah ke arah satu titik yang boleh menonjolkan bahawa ilmu, idea, keringat dan pengorbanan mereka dapat membantu negara mencapai apa yang dihasratkan itu. Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Brig. Jen. Dato' Prof Dr. Kamarudin Hussin yang membacakan resolusi itu berharap, sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) negeri Perlis dapat menjadi hub pendidikan Islam di Asean dan negara-negara DMDI lainnya dengan mewujudkan jaringan pendidikan di antara Institusi-Institusi Pendidikan di Malaysia dengan negara-negara luar.

"Saya juga amat yakin dan percaya dengan resolusi yang telah dicapai seterusnya diserahkan kepada DMDI Negeri Perlis ini akan diberikan perhatian di peringkat negeri seterusnya menggerakkan jentera negeri untuk dilaksanakan"

Beliau turut mengesyorkan agar, kualiti pendidikan di sekolah-sekolah dapat ditingkatkan tanpa mengambil kira kawasan Bandar mahupun luar Bandar.



"DMDI Perlis juga disarankan mengadakan konsep sekolah angkat kepada Jabatan Kerajaan dan Syarikat-syarikat GLC milik kerajaan serta penubuhan sebuah jawatankuasa pemandu yang bertanggungjawab terus di bawah YAB Menteri Besar bagi memastikan konsep ini dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, YB Tuan Jaffperi dalam ucapan penutupnya berkata, kerajaan memperuntukkan berbilion ringgit untuk memastikan setiap rakyatnya mendapat pendidikan yang berkualiti dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti bagi memacu negara untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.



Katanya, kesungguhan kerajaan dalam melahirkan rakyat berilmu sudah jelas apabila tema sambutan hari kemerdekaan pada tahun 2004 iaitu "Pendidikan Teras Pembangunan Insan", namun, dihalang oleh sikap masyarakat Melayu yang tiada kesepakatan dan mengambil mudah dalam soal pendidikan.

"Perkara ini dapat kita lihat dengan meningkatnya masalah sosial yang melanda golongan remaja Melayu pada masa kini, dan kadar pengangguran yang tinggi. Mungkinkah mereka berasa amat selesa dengan keamanan negara yang kita kecapi sekarang, sehingga mereka lupa bahawa bangsa asal negara ini sedang ketinggalan dari kaum-kaum lain atau mereka berpendapat, mereka tidak perlu takut kerana kerajaan akan terus membantu Melayu dan Melayu akan terus menjadi pemimpin pada masa akan datang," katanya.

Beliau seterusnya berharap agar seminar seperti itu akan diteruskan dan disertai lebih ramai cendekiawan dan anak muda untuk memberikan pandangan dan hala tuju yang konstruktif bagi membangunkan bangsa Melayu.



"Saya juga amat yakin dan percaya dengan resolusi yang telah dicapai seterusnya diserahkan kepada DMDI Negeri Perlis ini akan diberikan perhatian di peringkat negeri seterusnya menggerakkan jentera negeri untuk dilaksanakan," katanya lagi. SePMA 2010 telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Hj Mohd Ali Mohd. Rustam yang merupakan Presiden DMDI.

Beberapa acara sampingan turut diadakan sepanjang berlangsungnya seminar ini, antaranya ialah Majlis Kunjung Menghadap DYMM Tuanku Raja Perlis dan DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis oleh ketua delegasi setiap negara peserta diketuai oleh YAB Ketua Menteri Melaka merangkap Presiden DMDI. Selain itu, semua para peserta juga telah diraikan dalam satu majlis makan malam di Dewan 2020 yang diserikan oleh keberangkatan DYTMM Tuanku Canselor UniMAP dan DYTMM Tuanku Pro Canselor UniMAP.